

LAMAN UTAMA

PROFIL SEKOLAH

MAKLUMAN TERKINI &  
BULETIN BULANAN

# SEJARAH

PENTADBIRAN

GALERI

HUBUNGI KAMI

BULETIN BULANAN

Sekolah Kebangsaan Jalan Enam atau nama ringkasnya *SK Jalan Enam*, merupakan sebuah Sekolah Kebangsaan yang terletak di Jalan Enam. Pada 2009, Sekolah Kebangsaan Jalan Enam memiliki 765 pelajar lelaki dan 708 pelajar perempuan, menjadikan jumlah keseluruhan murid seramai 1473 orang. Ia mempunyai seramai 102 orang guru.

Sekolah Kebangsaan Jalan Enam, Bandar Baru Bangi telah ditubuhkan pada tahun 1986 di atas tapak yang disediakan oleh PKNS seluas lebih kurang 2.8 hektar. Pembinaannya bermula pada awal tahun 1985 terdiri dari 2 blok bangunan tiga tingkat, sebuah kantin dan padang permainan. Pada awal penggal kedua persekolahan 1986, sekolah ini telah memulakan operasinya dengan murid seramai 435 orang dan 17 orang guru. Pada tahun 1991, kelas kanak-kanak bermaslah Pembelajaran (KKBP) telah diadakan. Pada tahun 1993, satu blok bangunan dua tingkat telah didirikan dan boleh diduduki pada tahun berikutnya. Pada tahun 1988, sekolah telah mendapat satu lagi bangunan 3 tingkat dan bangunan itu telah siap pada tahun 1999 dan mula diduduki pada tahun 2000.